



Kerjaya masa depan pelajar lulusan TVET dijamin selari perkembangan ledakan teknologi IR4.0.



Muhyiddin pada perutusan khas sempena sambutan Hari Profesion Teknikal Negara 2020, semalam. (Foto ihsan FB RTM)

Perkukuh kualiti ^{BH} ^{m/s: 6} ^{6/12/2020} lulusan STEM, TVET

Kerajaan
berhasrat lahir
lebih ramai
pemimpin
profesion teknikal

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mo_hd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan berhasrat melahirkan lebih ramai pembuat dasar dan pemimpin dalam kalangan warga profesion teknikal bagi memastikan hala tuju negara selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Perdana Menteri, Tan Sri Mu-

hyiddin Yassin, berkata ini kerana agensi dan syarikat strategik negara berasaskan teknologi perlu diterajui dalam kalangan profesional teknikal.

“Usaha kerajaan memajukan profesion teknikal perlu diperkukuhkan dan hendaklah bermula dari peringkat awal pendidikan. Jadi, kerajaan akan berusaha memperkukuhkan kualiti lulusan bidang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pada peringkat lebih awal.

“Pelajar sekolah dan belia perlu digalakkan untuk menjadikan bidang ini sebagai pilihan kerjaya masa depan mereka, bukan sahaja demi memenuhi masa depan perindustrian negara tetapi un-

tuk melahirkan golongan profesion teknikal berdaya maju selari dengan perkembangan global terutama ledakan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

“Peluang pekerjaan ditawarkan berkaitan jurusan STEM dan TVET sememangnya amat cerah dan tidak harus dilepaskan,” katanya dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Profesion Teknikal Negara 2020 di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, minat generasi baharu perlu dipupuk untuk menceburi kerjaya teknikal dan teknologi kerana trend masa depan menunjukkan bidang berkenaan menjadi profesion yang mendapat permintaan tinggi.

Katanya, sudah pasti mereka yang memilih bidang teknikal ber-

teknologi tinggi akan menjadi rebutan dalam pasaran pekerjaan pada masa depan yang memberi pulangan besar.

“Bidang teknikal terutama kejuruteraan sering dikaitkan dengan istilah 3D, iaitu kotor, bahaya dan sukar yang secara langsung atau tidak langsung memberi persepsi negatif bagi pemilihan kerjaya dalam kalangan generasi baharu.

“Bagaimanapun, penggunaan teknologi terkini akan mengubah imej 3D ini kepada imej berprestij kerana profesion teknikal menuntut keserjanaan ilmu dan kepakaran yang mendalam,” katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini memiliki banyak syarikat berasaskan teknologi bertaraf dunia seperti PETRONAS, UEM Group, Pharmaniaga Berhad, Telekom Malaysia, Celcom dan Maxis.

“Majoriti peneraju (syarikat terabit) adalah dalam kalangan warga profesion teknikal. Ini hasil perancangan teliti kerajaan sejak berdekad untuk memastikan wu-

jud tenaga kerja profesional teknikal mahir dan berketrampilan,” katanya.

Beliau berkata, pembabitan golongan profesion teknikal secara langsung dan lebih proaktif penting bagi merealisasikan aspirasi dalam Wawasan Kemakmuran bersama (WKB) 2030.

Jelasnya, kerajaan bertekad mengukuhkan iltizam menjadikan Malaysia sebuah negara membangun seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

“WKB 2030 menjadi agenda kerajaan dalam membantu negara berdepan dengan dunia yang penuh mencabar, khususnya apabila kita sedang mula berdepan dengan era IR 4.0.

“Sudah pasti pelbagai pendekatan digarap dalam wawasan ini bagi mengorak pembangunan ekonomi untuk semua pihak supaya tiada sesiapa pun yang tertinggal dalam mengecapi kemakmuran diimpikan, demi menjadi sebuah negara bersatu, makmur dan bermaruah,” katanya.